

HUBUNGAN PENGAJARAN GURU DENGAN TINGKAH LAKU PEMILIHAN KERJAYA KEUSAHAWANAN

THE CORRELATION BETWEEN TEACHERS' TEACHING STYLES AND STUDENTS' TENDENCIES IN THE SELECTION OF CAREERS IN ENTREPRENEURSHIP

Nor Baizura Muhamad Talkis¹
Radin Siti Aishah Radin A. Rahman²
Norasmah Othman³

^{1,2,3}Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Accepted date: 23-10-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Talkis, N. B. M., Rahman, R. S. A. R. A., & Othman, N. (2018). Hubungan Pengajaran Guru dengan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (22), 01-13.

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan pengajaran guru dengan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di daerah Sepang, Selangor. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan, dan proses pengumpulan maklumat diperoleh melalui soal selidik. Seramai 119 orang pelajar sekolah menengah agama di daerah Sepang yang mengambil mata pelajaran Perniagaan telah dipilih untuk menjadi responden kajian. Kajian ini menggunakan prosedur pensampelan rawak berstrata. Instrumen soal selidik yang mengandungi 25 item telah digunakan dan dianalisis menggunakan SPSS versi 22 bagi mendapatkan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan bagi mendapatkan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Manakala, analisis inferensi pula ialah ujian-t dan korelasi Pearson. Dapatan kajian mendapati tahap pengajaran guru dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis statistik inferensi pula menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengajaran guru dengan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar. Gambaran keseluruhannya menunjukkan pelajar sekolah menengah agama mempunyai potensi untuk menjadi usahawan, hanya strategi pemupukan keusahawanan yang masih perlu dibimbing dan dipertingkatkan. Justeru, implikasi daripada kajian ini membawa kepada cadangan program pemantapan pengetahuan, kemahiran serta kaedah pengajaran guru dalam menyemai efikasi sendiri dan kompetensi keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu pihak yang berkaitan dalam mewujudkan kepelbagaian inisiatif yang sesuai bagi mencapai hasrat negara untuk melahirkan lebih ramai usahawan muda.

Kata Kunci: Pengajaran Guru, Tingkah Laku Keusahawanan, Pemilihan Kerjaya Keusahawanan, Pelajar Sekolah Menengah

Abstract: *This study aims to investigate the relationship between teachers' teaching and entrepreneurship career behavior amongst religious secondary school students in Sepang, Selangor. This quantitative study uses survey methodology, and data collection process is obtained through questionnaire. A total of 119 religious secondary school students in the Sepang district who took Business subjects were selected to be survey respondents. This study uses stratified random sampling procedures. Questionnaires containing 25 items were used and analyzed using SPSS version 22 to obtain descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis is used to obtain the frequency, percentage, mean and standard deviation. On the other hand, inferential analysis is the t-test and Pearson correlation. The findings show that the level of teachers' teaching and behavioral selection of entrepreneurship career is moderate. Inferential statistical analysis shows that there is a significant positive relationship between teachers' teaching and student entrepreneurship career behavior. The overall picture shows that religious secondary school students have the potential to become entrepreneurs, therefore only entrepreneurship strategies need to be guided and enhanced. Hence, the implications of this study led to the suggestion of the strengthening of knowledge, skills and teachers' teaching methods in inculcating the self efficacy and competence of entrepreneurship among secondary school students. The results of this study are also expected to assist the relevant parties to take proactive steps as soon as possible to enhance entrepreneurial knowledge and skills in the effective teachers' teaching process towards the creation of more young entrepreneurs.*

Keywords: *Teachers' Teaching, Entrepreneurial Behavior, Entrepreneurship Career Selection, Secondary School Students*

Pendahuluan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 atau PPPM yang telah dilancarkan pada tahun 2013 bermatlamat melahirkan rakyat Malaysia yang memiliki pengetahuan, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran kepimpinan, kemahiran bahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional untuk berjaya abad 21. Pelaksanaan PPPM juga mengharapkan supaya kualiti sistem pendidikan kebangsaan berjaya ditingkatkan ke tahap satu pertiga teratas pada peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018). Agenda Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 – 2020 adalah untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran serta memiliki sikap positif supaya terus maju dalam ekonomi global. Kesemua ini adalah bertepatan dengan hasrat negara untuk mengurangkan kebergantungan rakyat terhadap kerajaan. Tidak disangkal lagi, bidang keusahawanan mampu membantu seseorang berdikari, tidak bergantung harap dengan kerajaan mahupun orang lain kerana kelebihanannya menjana pendapatan dan seterusnya berupaya meningkatkan taraf sosio ekonomi seseorang mahupun membangunkan ekonomi sesebuah negara (Ahmad & Xavier 2012). Justeru, penerapan aspirasi keusahawanan perlu dipupuk sejak di bangku sekolah lagi dalam merealisasikan agenda negara. Para pelajar perlu berani untuk menceburi bidang keusahawanan supaya lebih banyak lagi pekerjaan dapat dicipta.

Pada tahun 2017, Kurikulum Standard Sekolah Menengah atau KSSM telah diperkenalkan dengan memberikan penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Tujuannya ialah menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis dalam menyelesaikan masalah.

Maka, kurikulum baharu ini dilihat mampu membantu pelajar membangunkan potensi dan ciri keusahawanan dalam diri mereka. Usaha kerajaan ini selari dengan kenyataan Merhayati (2015), menurutnya pelajar boleh didedahkan dengan pelbagai kemahiran, pengetahuan dan pendekatan yang bersesuaian melalui pendidikan keusahawanan supaya mereka dapat membina pemikiran dan atribut keusahawanan dalam diri. Sumbangan dan peranan aktiviti keusahawanan adalah diketahui boleh memangkin ekonomi negara bahkan bertindak sebagai penggerak utama dalam meningkatkan tahap inovasi, kreativiti dan daya saing negara di persada dunia (Mohd Radzi 2013). Oleh itu, kerajaan menggalakkan pelajar untuk melibatkan diri dalam pelbagai program keusahawanan seperti latihan, seminar, kursus jangka masa pendek, konferens dan sebagainya bagi membentuk tingkah laku keusahawanan dalam kalangan pelajar, justeru berupaya mengembangkan ekonomi negara keseluruhannya.

Penyataan Masalah

Guru merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran berniaga di samping memiliki ciri-ciri personaliti keusahawanan. Sehubungan itu, guru perlu menguasai pedagogi supaya dapat menyampaikan ilmu keusahawanan dengan baik dan berkesan, lantas layak digelar pendidik ilmu keusahawanan dan bukan sekadar penyampai ilmu keusahawanan (Yap Poh Moi 2002). Pengajaran akan menjadi bosan dan tidak menyeronokkan sekiranya pelajar dapat mengagak apa yang cuba disampaikan oleh guru ekoran kurangnya pengetahuan pedagogi (Fiet, J.O. 2000). Kajian yang dijalankan oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT 2011) mendapati hanya 12 peratus daripada pengajaran disampaikan pada standard yang tinggi, iaitu mengaplikasi banyak amalan terbaik pedagogi, manakala 38 peratus mencapai standard yang memuaskan. Selebihnya, 50 peratus lagi pengajaran yang dicerap dalam kajian ini tidak disampaikan dengan memuaskan. Guru yang kurang pengetahuan pedagogi kurang merangsang pelajar untuk berfikir kreatif dan kritis (Yap Poh Moi 2002) dan terlalu bergantung kepada buku teks (Zawawi, Ramlee & Abd. Razak 2009).

Kajian lain turut menyatakan kebanyakan guru tidak pakar, tiada kemahiran keusahawanan dan latihan (Fadhilah & Halimah 2010). Penemuan dalam Program Rangka Kerja Daya Saing dan Inovasi 2007-2013 yang dianggotai oleh 26 buah negara iaitu Belgium, Bulgaria, Republik Czeck, Denmark, Jerman, Sepanyol, Estonia, Perancis, Itali, Cyprus, Luthania, Latnia, Luxembourg, Hungary, Malta, Norway, Austria, Poland, Slovakia, Slovenia, Finland, Sweden dan United Kingdom, mendapati terdapat jurang atau kekangan dalam melaksanakan program keusahawanan, iaitu guru kurang pengetahuan tentang ilmu keusahawanan, guru tidak cekap, tiada penglibatan daripada individu yang menceburi bidang keusahawanan, kurang elemen praktikal, penyertaan pelajar yang terhad dan program keusahawanan tidak dikaitkan dengan latihan atau profesion tertentu (Laporan Suruhanjaya Negara Kesatuan Eropah 2009). Selanjutnya, hampir separuh dari negara-negara tersebut meminta supaya latihan khusus untuk bekerja sendiri diterapkan dalam semua kursus keusahawanan. Sementara itu, situasi di Malaysia sememangnya ada latihan keusahawanan kepada golongan guru, namun latihan yang diberikan tidak menggunakan pendekatan yang sistematik (Nurul, Soaib & Zaidatol 2012). Bidang keusahawanan juga tidak dilihat sebagai satu kerjaya yang mempunyai status di mata masyarakat, tidak seperti jurutera, arkitek, doktor, peguam dan sebagainya (Hafeza 2012), malah ia menjadi pilihan alternatif (Azmi, Nik & Najwa 2012). Ini menunjukkan pelajar masih dibelenggu dengan sikap kurang peka terhadap peluang kerjaya keusahawanan dan gagal mengenal pasti peluang yang wujud (Norasmah, Nor Hafizah, Poo, B.T & Rahmah 2012).

Melihat kepada permasalahan yang wujud dalam trend pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar, mungkinkah permasalahan-permasalahan yang digambarkan berpunca daripada sistem pendidikan negara? Mungkinkah kurang pendedahan tentang budaya keusahawanan sejak di peringkat sekolah atau adakah tiada penekanan dan galakan untuk mengiktiraf keusahawanan sebagai satu peluang kerjaya atau adakah kurikulum yang diserapkan terlalu berorientasikan peperiksaan, teoritikal dan mekanistik? Justeru, kajian ini bertujuan: 1. Menilai tahap pengajaran guru dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan; 2. Menentukan hubungan pengajaran guru dengan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan; 3. Mengukur perbezaan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan antara jantina dan pelajar yang mempunyai ahli keluarga yang berlatar belakang keusahawanan dan yang tidak berlatar belakang keusahawanan. Kajian ini juga diharapkan dapat mengurangkan jurang penyelidikan yang wujud memandangkan masih terlalu sedikit kajian dijalankan mengenai pengajaran guru terhadap potensi keusahawanan. Dapatan yang diperoleh diharapkan dapat memberi idea dan rujukan yang lebih jelas dan tepat kepada pihak-pihak yang berkepentingan dan sesiapa sahaja yang berminat dalam mewujudkan kepelbagaian inisiatif yang sesuai bagi mencapai hasrat kerajaan dalam melahirkan lebih ramai usahawan muda.

Tinjauan Literatur

Pemilihan Kerjaya

Kerjaya sebagai satu proses pemilihan sesuatu pekerjaan, melaksanakan tugas yang diberikan dan menjalankan aktiviti yang bertujuan untuk memenuhi keperluan fizikal, mental, rohani dan psikologi individu (Sidek 2002). Pemilihan kerjaya pula ditakrifkan sebagai satu perkara yang kompleks dan multidimensi yang mana ciri seseorang dikenal pasti dalam mengkaji bagaimana cara seseorang membuat keputusan dalam pemilihan kerjaya mereka (Gati 2010). Manakala menurut Walker dan Tracey (2012) pula, pemilihan kerjaya yang dibuat oleh seseorang individu akan memberikan hasil yang tertentu pada masa hadapan.

Proses membuat keputusan pemilihan kerjaya bukanlah tugas yang mudah. Antara masalah yang sering dihadapi ialah tidak dapat membuat keputusan, kurang maklumat tentang diri dan kerjaya, tiada kepastian tentang kerjaya yang dipilih, kurang minat untuk merancang dan tidak mampu menyelesaikan masalah (Noah 1998). Kesukaran membuat keputusan memilih kerjaya akan menyebabkan seseorang itu sering kali bertanggung dalam membuat keputusan. Perkara ini akan menyebabkan mereka berhadapan dengan fasa pengangguran yang lama kesan daripada gagal membuat keputusan dalam pemilihan kerjaya mereka (Amira 2017). Lebih-lebih lagi kini persaingan mendapatkan pekerjaan turut menjadi antara permasalahan memperoleh pekerjaan (Yusof 2013). Menurut Mat Jusoh (2012), kesedaran tentang peluang kerjaya adalah penting, kerana dapat membantu pelajar menceburi alam pekerjaan yang diminatinya. Pemilihan kerjaya yang tepat dan bersesuaian dengan personaliti amat penting dalam menentukan corak hidup pada masa hadapan (Yusof 2013). Ringkasnya, seseorang perlu bijak membuat pilihan dan keputusan dalam pemilihan kerjaya untuk mencapai kepuasan maksima sepanjang berkerjaya kelak, di samping menjadi pekerja yang produktif, berkualiti, komited dengan kerjaya dan kekal lama dalam bidang tersebut. Dalam konteks kajian ini, pemilihan kerjaya merujuk kepada proses yang dilalui oleh pelajar sekolah menengah untuk membuat keputusan bagi menentukan laluan kerjaya pilihan apabila tamat pengajian.

Pengajaran Guru Dan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

Tenaga pengajar yang terlatih dan bersedia adalah perkara penting dalam aspek pembangunan keusahawanan. Dalam ulasan Nurul (2012) terhadap kajiannya, beliau mendapati guru-guru menunjukkan tingkah laku yang lebih positif dalam aspek kepercayaan dalam keusahawanan namun kurang dalam minat dan daya inisiatif. Kajian ini selari dengan dapatan Yap (2002) yang mendapati guru mata pelajaran Perdagangan lebih berminat dalam bidang keusahawanan namun tidak mahu melibatkan diri untuk membimbing pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan. Jika diperhalusi, sikap guru seumpama ini akan menjejaskan hasrat negara untuk melahirkan lebih ramai usahawan. Pengkaji lain ada mengatakan, golongan pendidik merupakan pendorong dan penyuntik terhadap penghayatan nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar (Yusof 2009). Guru berperanan sebagai fasilitator dengan membuat provokatif, justifikasi dan mengemukakan alternatif kepada pelajar tentang kelebihan menjadi usahawan. Kajian lepas ada menemui kewujudan hubungan positif dalam pengajaran guru-guru dengan kesediaan mengintegrasikan pemikiran keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah (Zulfaka, Nor Aishah & Lilia 2014). Guru seharusnya didedahkan dengan pengalaman berniaga melalui program-program khas (Nurul 2012), di samping menggabungkan orientasi atau kursus keusahawanan secara praktikal dan teori (Elena 2013).

Kegagalan menyediakan tenaga pengajar yang benar-benar terlatih adalah merupakan antara faktor utama yang menjadi punca pelaksanaan program keusahawanan kurang berjaya (Nurul 2012). Kekurangan kecekapan tenaga pengajar dan kurangnya elemen-elemen praktikal didapati menjadi kekangan dalam melaksanakan program pendidikan keusahawanan di sekolah. Keupayaan dan kesediaan guru yang agak terbatas juga adalah kerana kurangnya pendedahan guru kepada bidang keusahawanan terutamanya dari segi praktikal (Azman 2009). Namun begitu, Zulfaka et al. (2014), mendedahkan dapatan yang berbeza apabila mereka melaporkan bahawa guru-guru yang terlibat dalam kajiannya mempunyai kepakaran dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran keusahawanan. Guru juga dilaporkan dapat mengintegrasikan pemikiran keusahawanan kepada para pelajar.

Amnya, guru adalah pembimbing dan mentor. Mereka berupaya mempengaruhi sikap pelajar terhadap sesuatu aktiviti. Pengajaran guru seharusnya menarik dan mampu meningkatkan motivasi pelajar. Motivasi akan berkurangan apabila proses pembelajaran dipenuhi dengan aktiviti yang tidak bermakna. Kajian Raczyński dan Munoz-Stuardo (2007) mendapati guru perlu merancang aktiviti dengan sistematik selain memastikan struktur dan suasana pembelajaran dalam keadaan yang kondusif, di samping menggunakan pelbagai rangsangan seperti nada yang berubah-ubah, bahan bantu yang menarik, permainan dan sebagainya. Justeru, akan meningkatkan minat dan rasa ingin tahu pelajar terhadap pengajarannya. Pelajar yang memperoleh motivasi dari gurunya akan lebih berminat seterusnya membantu proses pencapaian objektif pembelajaran.

Metodologi

Kajian ini dijalankan secara tinjauan yang berbentuk deskriptif dan inferensi. Pengkaji menggunakan pensampelan rawak berstrata bagi menentukan sampel dan saiz kajian. Jumlah populasi kajian ialah 169 orang pelajar aliran perniagaan sekolah menengah agama di daerah Sepang. Sehubungan itu, berdasarkan kiraan Krejcie dan Morgan (1970) daripada jumlah populasi tersebut, hanya 119 orang pelajar yang akan dijadikan sebagai sampel kajian. Rasional pemilihan kumpulan sasaran ialah didapati sekolah-sekolah tersebut menawarkan pilihan elektif Perniagaan kepada para pelajarnya. Justeru, mereka merupakan kumpulan yang sesuai kerana telah diperkenalkan dengan asas pengetahuan perniagaan dan keusahawanan di

peringkat sekolah. Selain itu, mereka turut terlibat dengan program keusahawanan, maka mereka telah ada pengalaman berniaga. Oleh yang demikian, persepsi para pelajar ini amat diperlukan dalam kajian bagi tujuan meramal tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A: mengumpul maklumat demografi pelajar. Bahagian B: konstruk pengajaran guru dan Bahagian C: konstruk tingkah laku keusahawanan. Pembinaan item Bahagian B diadaptasi dan diubahsuai dari kajian Quek Miow Leng (2006), manakala Bahagian C pula diadaptasi dari Amira (2017). Pengkaji menggunakan soal selidik daripada kedua-dua pengkaji ini sebagai panduan kerana instrumen kajian mereka bersesuaian dengan kajian.

Sebelum kajian lapangan, kajian rintis ke atas 30 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran elektif Perniagaan di salah sebuah sekolah menengah di Sepang telah dibuat. Pelajar telah dipilih secara rawak dan tidak akan dilibatkan dalam kajian lapangan. Melalui kajian rintis ini, segala komen dan cadangan akan diambil untuk penambahbaikan item-item soal selidik. Seterusnya, untuk kesahan kandungan instrumen, dua orang pakar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dilantik. Pemilihan pakar dibuat berdasarkan kriteria pengalaman kerja dan kepakaran dalam bidang keusahawanan. Kesahan muka pula telah diberi kepada guru pakar bahasa bagi menentukan susunan ayat pada setiap item dalam instrumen adalah betul. Jamil (2002) menyatakan kesahan sesuatu instrumen soal selidik boleh diukur menggunakan korelasi antara jumlah skor dengan item yang terlibat. Jika nilai korelasi item yang dibetulkan kurang daripada .30, maka item tersebut perlu dikeluarkan atau diubah suai, dan apabila nilai korelasi item yang dibetulkan melebihi .30, maka item-item berkenaan boleh diterima dalam kajian. Dalam kajian ini, nilai korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor adalah melebihi .30 dan nilai *Cronbach Alpha* yang digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen adalah 0.90. Nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.80 memberikan kesimpulan bahawa item mempunyai kestabilan dalaman yang baik (Creswell 2012). Ini bermakna kesahan dan kebolehpercayaan instrumen ini adalah tinggi dan boleh diteruskan untuk kajian sebenar. Analisis data tahap pengajaran guru dan tingkah laku keusahawanan melibatkan frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Nilai min untuk mengukur tahap adalah merujuk kepada skala kajian Norasmah (2002), iaitu nilai skor 1.00 – 2.00 rendah, 2.01 – 3.00 sederhana rendah, 3.01 – 4.00 sederhana tinggi, 4.01 – 5.00 tinggi.

Profil Demografi

Jadual 1 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratusan profil responden kajian berdasarkan faktor demografi. Jumlah responden dari Sekolah Menengah Agama I ialah 57 orang (47.9%) dan Sekolah Menengah Agama II pula 62 orang (52.1%). Analisis menunjukkan responden perempuan merangkumi 65 orang (54.6%) dan responden lelaki 54 orang (45.4%). Terdapat 60 orang (50.4%) responden berlatar belakangkan keluarga usahawan dan 59 orang (49.6%) tidak mempunyai keluarga dalam kalangan usahawan. Pilihan kerjaya responden pula menunjukkan seramai 60 orang (50.4%) berminat untuk bekerja makan gaji berbanding hanya 59 orang (49.6%) memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Berikut adalah jadual profil responden kajian.

Jadual 1: Profil Responden Kajian Berdasarkan Faktor Demografi

		Kekerapan	Peratus (%)
Sekolah	Sekolah Menengah Agama I	57	47.9
	Sekolah Menengah Agama II	62	52.1
	Jumlah	119	100
Jantina	Lelaki	54	45.4
	Perempuan	65	54.6
	Jumlah	119	100
Ahli keluarga terlibat dalam keusahawanan	Ya	60	50.4
	Tidak	59	49.6
	Jumlah	119	100
Pilihan kerjaya	Bekerja sendiri	59	49.6
	Makan gaji	60	50.4
	Jumlah	119	100

Dapatan dan Perbincangan

Menilai Tahap Pengajaran Guru

Analisis skor min, sisihan piawai dan tahap pengajaran guru ditunjukkan dalam Jadual 2. Interpretasi skor menunjukkan bahawa tahap pengajaran guru di sekolah menengah agama di daerah Sepang berada pada tahap sederhana tinggi iaitu (min = 3.936, s.p. = .618). Justeru menunjukkan guru masih perlu menambah ilmu sedia ada supaya sentiasa relevan dengan situasi dan kehendak semasa.

Menurut Nor Hayati (2015), guru-guru tahu dan sedar bahawa tanpa ilmu pengetahuan keusahawanan secukupnya, mereka tidak akan dapat memberikan komitmen yang tinggi terhadap mata pelajaran yang diajar. Rentetan itu, kejayaan agenda kerajaan untuk melahirkan usahawan ada hubungkaitnya dengan kompetensi dan pedagogi guru (Yeap Koon Peng 2007; Nor Aishah dan Yap Poh Moi 2002; Sulaiman, Ibrahim, Haziah & Nagendralingan 2011). Untuk itu, menurut Normah dan Ruhaiza (2014) guru perlu membuat perancangan agar PdPc sejajar dengan tujuan, antaranya guru boleh menggunakan kaedah dan pendekatan yang sesuai dengan kebolehan pelajar bagi merangsang dan menarik minat untuk belajar (Rafiza & Maryam 2013). Selain itu, memiliki pengetahuan dalam bidang keusahawanan sangatlah penting (Nor Aishah dan Yap Poh Moi 2002; Shahrin dan Siti Hasmah 2009) kerana kekurangan pengetahuan dalam bidang ini merupakan antara faktor penghalang dalam usaha menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar semasa sesi PdPc (Shahrin dan Siti Hasmah 2009). Guru yang kurang bersedia akan berasa teragak-agak dalam penyampaian dan sering bertindak dengan mengajar sekadar menyampaikan sahaja tanpa ada penghayatan (Sharifah Intan Sharina 2011). Kajian lain ada menyatakan jika sesuatu konsep tidak difahami dengan baik, maka keyakinan guru akan berada pada tahap yang rendah, kesannya pelajar akan menghadapi masalah memahami isi kandungan (Wilkins 2008) dan kekeliruan boleh berlaku (Sulaiman et al. 2011). Menurut Wilkins (2008), terdapat hubungan yang signifikan antara ketidakpercayaan guru mengajar tajuk yang kurang dikuasainya dengan amalan dalam bilik darjah. Dapatan Cohen, Raudenbush dan Ball (2003) pula, terdapat bukti-bukti statistik yang menunjukkan bahawa amalan pengajaran yang disertai dengan pengetahuan dan tindakan memberi pengaruh terhadap pembelajaran pelajar. Kebijaksanaan dan kecemerlangan guru

dalam bilik darjah bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki, khususnya yang berhubung dengan isi kandungan dan cara penyampaian (Tengku Zawawi 2009). Kesimpulannya, guru perlu mempunyai ilmu, kemahiran, kaedah dan pendekatan yang sesuai bagi merangsang dan menarik minat pelajar untuk memastikan proses PdPc mencapai objektifnya.

Menilai Tahap Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

Analisis skor min, sisihan piawai dan tahap tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan ditunjukkan dalam Jadual 2. Interpretasi skor tahap tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan pada tahap sederhana tinggi iaitu (min = 3.301, s.p. = .727). Ini memberi makna bahawa kecenderungan pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai pilihan kerjaya masih lagi kurang. Penemuan ini disokong oleh kajian Norasmah et al. (2012) yang turut menyatakan tahap tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian Pickernell (2011) mendapati antara faktor yang menggalakkan pelajar menyertai keusahawanan ialah melalui pendidikan. Sekolah atau universiti sebagai contoh, perlu mengadakan pelbagai aktiviti keusahawanan bagi menggalakkan pelajar berani mencuba untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan (Kirkby 2004). Justeru, melalui pengalaman yang ditimba, mereka akan lebih yakin dan mula membentuk persepsi positif mengenai bidang keusahawanan. Harris dan Gibson (2008) menambah, tingkah laku dan kemahiran keusahawanan boleh dibangunkan dan dibentuk melalui pendidikan keusahawanan. Penemuannya turut disokong oleh Packham (2010).

Justeru, gambaran keseluruhannya menunjukkan para pelajar mempunyai potensi keusahawanan, hanya strategi pemupukan diperlukan. Perkara ini menjadi satu cabaran kepada pihak sekolah untuk merealisasikannya, di samping memberi motivasi agar pelajar bijak mengenal pasti peluang yang ada dan akhirnya berupaya menunjukkan tingkah laku memilih keusahawanan sebagai satu kerjaya pada masa hadapan.

Jadual 2: Tahap Pengajaran Guru Dan Tahap Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

Bil	Konstruk	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
1	Pengajaran Guru	3.936	.618	Sederhana tinggi
2	Tingkah Laku Keusahawanan	3.301	.727	Sederhana tinggi

Menentukan Hubungan Pengajaran Guru dengan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

Analisis korelasi Pearson dan keputusannya dipaparkan dalam Jadual 3. Ujian ini dilaksanakan kerana melihat pada kekerapan demografi yang menunjukkan majoriti pelajar memilih untuk makan gaji sebagai pilihan kerjaya pada masa hadapan. Dapatan tersebut menggambarkan mereka masih belum boleh menerima sepenuhnya konsep bekerja sebagai usahawan walaupun pendedahan awal terhadap keusahawanan telah dibuat sejak di peringkat sekolah menengah rendah. Oleh itu, hipotesis telah dibina.

Ho: tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru terhadap tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan.

Jadual 3 menunjukkan analisis data berkenaan perkaitan antara pengajaran guru dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat hubungan

yang sederhana dan signifikan antara pengajaran guru dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar ($r = .573$, $p < .05$). Hubungan yang positif ini menunjukkan bahawa secara relatifnya, jika pengajaran guru berkualiti tinggi dan bersungguh-sungguh maka pelajar akan lebih cenderung untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Nilai keberangkalian juga didapati kurang daripada aras signifikan ($p = .000$), bermakna hipotesis nul ditolak. Menurut Noor Hayati (2015), guru yang mempunyai kesediaan dan komitmen yang tinggi memberi kesan kepada pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar. Kesimpulannya, pengajaran guru mempunyai hubungan dengan tingkah laku keusahawanan (Mery 2014; Elena Ruskovaara 2013).

Jadual 3: Analisis Korelasi Pearson Antara Pengajaran Guru Terhadap Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

		Korelasi	
		Pengajaran Guru	Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan
Pengajaran Guru	Korelasi Pearson	1.000	.573
	Sig. (2-hujung)		.000
	n	119	119

** Korelasi signifikan pada aras 0.05 (2-hujung)

Perbezaan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Antara Jantina dan Pelajar yang Mempunyai Ahli Keluarga yang Terlibat dalam Keusahawanan dan yang Tiada Mempunyai Ahli Keluarga dalam Keusahawanan.

Analisis ujian-t digunakan bagi menguji sejauh mana terdapatnya perbezaan tahap tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan antara berlainan jantina dan pelajar yang mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam keusahawanan dan yang tidak mempunyai ahli keluarga dalam keusahawanan. Ujian ini dijalankan memandangkan frekuensi pada demografi menunjukkan majoriti pelajar mempunyai ahli keluarga terlibat dalam keusahawanan. Sehubungan itu, adakah faktor ini mempengaruhi tingkah laku keusahawanan pelajar? Oleh yang demikian, hipotesis telah dibina.

Ho1: tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan antara jantina

Ho2: tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan antara pelajar yang mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam keusahawanan dan yang tidak mempunyai ahli keluarga dalam keusahawanan.

Dapatan Jadual 4 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan ($t = -.908$, $p > 0.05$). Secara umumnya, dapatan ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak memainkan peranan penting dalam pembentukan tingkah laku terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan NorFadhilah dan Halimah (2010) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pemilihan kerjaya keusahawanan dengan perbezaan jantina. Walau bagaimanapun, wujud perbezaan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan yang signifikan antara pelajar yang mempunyai dan tidak mempunyai ahli keluarga yang terlibat dengan keusahawanan, iaitu nilai $t = 2.911$, $p < .05$. Oleh itu, hipotesis ini ditolak. Dapatan ini juga selari dengan dapatan kajian NorFadhilah dan Halimah (2010) dan Asri dan Zaimah (2012). Ertinya, ahli keluarga yang terlibat dengan keusahawanan ada kaitan dengan tingkah laku terhadap kerjaya keusahawanan.

Jadual 4: Perbezaan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Antara Jantina dan Ahli Keluarga Peniaga

Ujian t	n	Min	Sisihan piawai	Nilai -t	Tahap signifikan
Jantina					
Lelaki	54	3.235	.816	-.908	.366
Perempuan	65	3.356	.645		
Ahli keluarga terlibat dalam keusahawanan					
Ya	60	3.488	.667	2.911	.004
Tiada	59	3.112	.743		

Kesimpulan

Kajian ini cuba mengenalpasti hubungan pengajaran guru dengan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan. Kajian ini menemui tahap pengajaran guru berada pada tahap sederhana tinggi. Ertinya, guru perlu menambah ilmu sedia ada supaya sentiasa relevan dengan situasi dan kehendak semasa. Manakala, tahap tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan turut pada tahap sederhana tinggi. Ini bermakna kecenderungan pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya masih lagi kurang. Selari dengan dapatan kajian ini menyatakan sebahagian besar pelajar memilih untuk bekerja makan gaji sebagai kerjaya pada masa hadapan. Situasi ini menggambarkan bahawa mereka masih belum boleh menerima sepenuhnya konsep bekerja sebagai usahawan walaupun pendedahan awal terhadap keusahawanan telah dibuat sejak di peringkat sekolah rendah lagi. Walaubagaimanapun, terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengajaran guru dengan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan. Maka, guru perlu mengekalkan komitmen, malah lebih bersungguh-sungguh lagi dalam PdPcnya supaya pelajar cenderung untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Walau bagaimanapun, wujud perbezaan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan yang signifikan antara pelajar yang berlatar belakangkan keluarga keusahawanan dan tidak. Sesungguhnya tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan adalah sesuatu yang boleh dibangun dan dibentuk. Selain pendidikan formal, mereka boleh dibimbing dari aspek pemikiran dan kecerdasan emosi (Amira 2017) supaya akhirnya dapat meningkatkan potensi yang ada dalam diri mereka. Maka diharapkan pendidikan keusahawanan yang berkualiti kesan daripada pengajaran guru yang efektif dan efisien dapat melahirkan pelajar yang berwibawa, berkepimpinan dan berani berdepan dengan cabaran dunia perniagaan.

Rujukan

- Ahmad, S.Z. & Xavier, R.S. (2012). Entrepreneurial environments and growth: evidence from Malaysia GEM data. *Journal of Chinese Entrepreneurship* 4(1): 50 – 69.
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Najwa Hanis Azmi. (2012). Potensi Keusahawanan dan Ciri-Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Proceedings of the 2nd International Conference on Arts, Social Sciences & Technology Penang, Malaysia*. 3rd-5th Mac 2012.
- Cohen, D. Raudenbush, S. & Ball, D. (2003). Resources, instruction and research. *Educational evaluation and policy analysis*. 25 (2): 119 – 142.

- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Ed. Ke 2. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Ed. Ke 4. Boston, MA: Pearson.
- Elena Ruskovaara. (2013). Teachers implementing entrepreneurship education: classroom practices. *Education & Training*, vol. 55 Issue: 2, pp. 204 – 216.
- Fiet, J.O. (2000). The pedagogical side of entrepreneurship theory. *Journal of Business Venturing* 16 (2): 101 – 117
- Gati, I., Landman, S., Davidovitch, S., Asulin – Peretz, L. & Gadassi, R. (2010). From career – decision making styles to career decision-making profiles: A multidimensional approach. *Journal of Vocational Behaviour* 76(2): 277 – 291.
- Harris, M.L. & Gibson, S.G. (2008). Examining the entrepreneurial attitudes of US business students. *Education and training* 50(7): 568-81.
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: satu penilaian. Tesis Dr. Fal. Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johansen, V. & Schanke, T. (2014). Entrepreneurship projects and pupil's academic performance: a study of Norwegian secondary schools. *European educational research journal*. 13(2): 155-166.
- Kirby, D.A. (2004). Entrepreneurship education: can business schools meet the challenge? *Education & Training* 46 (8/9): 510 – 519.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607 – 610.
- Lourenco, F. & Jones, O. (2006). Developing entrepreneurship education: comparing traditional and alternative teaching approaches. *International Journal of Entrepreneurship Education* 4(1): 111 – 140.
- Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN). (2012). Model Ekonomi Baru untuk Malaysia: Hala tuju Dasar Strategik (Bahagian 1). Percetakan Nasional Berhad. Kuala Lumpur
- Maria De la Cruz del Rio-Rama et al. (2016). Entrepreneurial intentions and entrepreneurship education to university students in Portugal. *Technology, Innovation and Education* 2016 2:7
- Merhayati Sipon, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Fadzilah Abdul Rahman & Umi Kalthom Abdul Manaf. Teacher's entrepreneurial pedagogical content knowledge roles in human resource development. *International Journal of Management and Applied Research* 2(1): 35 – 44.
- Mery Citra Sondari. (2014). Is Entrepreneurship Education Really Needed? Examining the antecedent of entrepreneurial career intention. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 115. 44-53.
- Mohd Hasril Amiruddin, Siti Norain Jaafar, Noorazman Abd Samad. Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Kebolehpayaan Pelatih Pendawaian Elektrik dalam Pembentukan Usahawan Teknikal di Giatmara Negeri Johor. 2017. *Sains Humanika*. Vol. 9, No 1-5.
- Mohd Noah & Jaamat. (1998). Keberkesanan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu Terhadap Peningkatan Motivasi Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Sembilan. *Pertanika Journal Social Sciences & Human*. 6 (1), 63 – 70.
- Mohd Radzi. (2013). Pelaksanaan *Entrepreneurial Sciences Thinking* (EST) dan kesesuaiannya dalam konteks pendidikan. Prosiding Persidangan Antarabangsa dan Pertandingan Inovasi Kaunseling dan Pendidikan 2013. Kepelbagaian Pendidikan untuk kepelbagaian Manusia. Batu Pahat: PERKAMA Consultants.
- Mohd Zailani Ibrahim, Ramlah Hamzah, Mohd Ibrahim Nazri. (2014). Tekad Keusahawanan

- Tani dalam Kalangan Pelajar Sains Pertanian Sekolah Menengah. *Sains Humanika*. Vol. 2, No 2, 133-138.
- Norasmah Hj. Othman. (2007). Program pendidikan keusahawanan di Malaysia. Dlm. Norasmah Hj. Othman & Halimah Harun (pnyt.). *Keusahawanan Remaja Malaysia*, hlm. 1 – 23. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norasmah Hj. Othman & Halimah Harun. (2007). Tahap tingkah laku kognitif keusahawanan di kalangan pelajar dan remaja Malaysia. Dlm. Norasmah Hj. Othman & Halimah Harun (pnyt.). *Keusahawanan Remaja Malaysia*, hlm. 78 – 102. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norasmah Othman, Nor Hafizah Othman, Poo, B.T. & Rahmah Ismail. Impak Globalisasi dan Tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM) (2012). Transformasi Ekonomi dan Sosial ke arah Negara Maju, Ipoh, Perak, 4-6 Jun 2012.
- Nor Aishah Buang & Yap Poh Moi. (2002). Kesiediaan Guru-guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan dari Aspek Pengetahuan Kaedah Pengajaran dan Sikap terhadap Pengajaran Subjek Pengajian Keusahawanan. *Jurnal Teknologi* 37(E): 1-16.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35 (1) (2010): 11 – 17.
- Noor Hayati @ Seri Kandi binti Sarnin. (2015). Tahap Kesiediaan dan Komitmen Guru dalam Melaksanakan EMK-Keusahawanan di Sekolah Rendah.
- Nurul Izzati Khalid, Soaib Asimiran & Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. (2012). Kesiediaan Guru-guru Mata Pelajaran Aliran Vokasional Melaksanakan Program School Enterprise di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional. *Jurnal Teknologi*. 59 (2012) 29 – 39.
- Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 - 2025. 2018. <https://www.moe.gov.my/index.php/my/dasar/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025>. [28.5.2018].
- Pickernell, D., Packham, G., Jones, P., Miller, C. & Thomas, B. (2011). Graduate entrepreneurs are different: They access more resources? *International Journal of entrepreneurship behavior & research* 17(2): 183 – 202.
- Raczynski, D. & Munoz-Stuardo, G. (2007). Chilean Education Reform: The intricate balance between a macro and micro Policy. Dlm. W.T. Pink and G.W. Noblit (Peny.), *International Handbook of Urban Education*. <http://www.bligo.com/media/users/2/113704/files/Latin%20America,%20Raczynski%20and%20Munoz-Stuardo.pdf> [10.2.2013].
- Rafiza Abdul Razak & Maryam Abdul Rahman. (2013). Pembinaan media pengajaran berasaskan multimedia di kalangan guru ICTL. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 1 (2).
- Salmianti binti Mutalib. (2013). Tinjauan Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Journal of Techno Social*. Vol. 5, No 1.
- Shahrin Hashim & Siti Hasmah Mohammad. (2009). Faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut perspektif guru. Fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharifah Intan Sharina Syed Abdullah. (2011). Pengetahuan pedagogi isi kandungan guru sains dalam penerapan pendidikan mengenai alam sekitar. Tesis Master Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Perkembangan Kerjaya Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Storen, L.A. (2014). Entrepreneurship in higher education: Impacts on graduates' entrepreneurial intentions, activity and learning outcome. *Education & training*, 56(8/9): 795-813.
- Sulaiman Sarkawi, Mohamad Ibrahim, Haziah Md Salleh & Nagendralingan Ratnavadivel. (2011). Pengetahuan tentang pelajar dan pembelajaran dalam kalangan guru pelatih teknologi matlumat. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia* 1(4).
- Tengku Nor Asma Amira binti Tengku Muda. (2017). Hubungan antara kecerdasan emosi terhadap tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan.
- Tengku Zawawi Tengku Zainal, Ramlee Mustapha & Abd. Razak Habib. (2009). Pengetahuan pedagogi isi kandungan guru Matematik bagi tajuk pecahan: Kajian kes di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 131 -153.
- Yap Poh Moi. (2002). *Kesediaan guru-guru Perdagangan terhadap pengajaran subjek Pengajian Keusahawanan*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yeap Koon Peng. (2007). Tahap pencapaian dan pelaksanaan kemahiran proses sains dalam kalangan guru pelatih. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Sains Malaysia.
- Walker, T.L. & Tracey, T.J.G. (2012). The role of future time perspective in career decision making. *Journal of vocational behaviour* 81(2): 150 – 158.
- Wilkins, J.M. (2008). The relationship among elementary teachers' content knowledge, attitudes, beliefs and practice. *Journal of Mathematics Teacher* 11(11):139-164.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie. (2007). Strategi pengajaran dan pembelajaran keusahawanan. Dlm. Norasmah Hj. Othman & Halimah Harun (pnyt.). *Keusahawanan remaja Malaysia*, hlm. 181 – 194. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zulfaka, Nor Aishah Buang, Lilia Halim. (2014). Ciri-Ciri dan Tahap Pemikiran Sains Keusahawanan: Kesediaan Integrasi Pemikiran Keusahawanan dalam Proses Pengajaran Guru-Guru Sains di MRSM. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. April 2014. Bil 1. Isu 1.